

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH :

SOALAN NO. 118

Tuan Chan Ming Kai minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER
ASLI** menyatakan berapa tunggakan terkini bagi bil Indah Water
mengikut kategori dan setiap negeri.

SOALAN NO. 118

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Dewan sekalian, sehingga 31 Disember 2018, jumlah tunggakan terkumpul bil perkhidmatan pembedungan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) adalah sebanyak RM979.69 juta (termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST) tertunggak) atau hampir 11.66% daripada jumlah keseluruhan bil perkhidmatan pembedungan yang telah dibilkan kepada pengguna.
2. Berikut merupakan jumlah tunggakan sehingga 31 Disember 2018 mengikut kategori dan setiap negeri:

Negeri	Jumlah Tunggakan Bil Pembedungan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) Pada 31 Disember 2018 (Termasuk GST dan Bil Bersepadu)					
	Komersial (RM Juta)	Domestik (RM Juta)	Kerajaan (RM Juta)	Industri (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Peratusan (%)
Johor	36.24	52.75	2.63	0.62	92.24	9.42%
Kedah	13.46	37.29	5.50	0.62	56.87	5.80%
Melaka	13.46	25.91	1.87	0.24	41.48	4.23%
Negeri Sembilan	14.73	48.94	2.23	0.20	66.10	6.75%
Pahang	5.77	12.23	1.69	0.14	19.83	2.02%
Perak	22.79	54.54	5.51	0.35	83.19	8.49%
Perlis	0.61	1.69	2.12	0.04	4.46	0.46%
Pulau Pinang	34.00	44.21	6.82	0.92	85.95	8.77%
Selangor	117.94	243.80	8.09	1.82	371.65	37.94%
Terengganu	1.46	5.25	3.87	0.16	10.74	1.10%
WP-Labuan	1.54	0.78	0.35	0.06	2.73	0.28%
WP-Kuala Lumpur	74.43	59.46	8.19	0.02	142.10	14.50%
WP-Putrajaya	0.82	0.95	0.58	0.00	2.35	0.24%
Jumlah (RM Juta)	337.25	587.80	49.45	5.19	979.69	100.00%
Peratusan	34.42%	60.00%	5.05%	0.53%	100.00%	

3. Berdasarkan Jadual di atas, didapati kategori domestik merupakan penyumbang tertinggi dengan tunggakan terkumpul sebanyak RM587.80 juta atau 60% daripada jumlah tunggakan IWK. Secara keseluruhannya pula, sebanyak 1.4 juta daripada 3.9 juta akaun pengguna mempunyai bil tertunggak melebihi 12 bulan. Pada tahun 2018, kutipan pada tahun semasa pengebilan ialah 99.82% (termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST)).

4. Pada tahun 2018, sebanyak RM250.51 juta (termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST) tertunggak) telah berjaya dikutip daripada jumlah bil tertunggak kumulatif sehingga 31 Disember 2017. IWK akan terus berusaha mengebil dan mengutip tunggakan daripada pengguna-pengguna yang sedia ada.

Sekian, terima kasih